


Headline	Cedec Koridor's ability level North (Cedec tingkat keup...		
Date	06. Aug 2007	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	16
Section	Dlm Negeri	Article Size	490 cm ²
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



TAMAN Teknologi Kulim merupakan antara kawasan yang mendapat manfaat daripada penubuhan Cedec yang berpusat di kampus USM Nibong Tebal.

Cedec tingkat keupayaan Koridor Utara

Headline Cedec Koridor's ability level North (Cedec tingkat keupayaan Koridor Utara)
Date 06. Aug 2007
Media Title Utusan Malaysia

PULAU PINANG 5 Ogos - Penubuhan Pusat Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik Negara (Cedec) di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) Nibong Tebal dengan peruntukan RM23.7 juta, mampu meningkatkan keupayaan kerajaan bagi memajukan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara).

Cedec yang diwujudkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dilihat sebagai pusat melahirkan lebih ramai jurutera dan tenaga mahir dalam bidang reka bentuk mikrocip, menjalankan penyelidikan dan menyediakan kemudahan terkini dalam berkaitan.

Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Othman Sidek berkata, penubuhan Cedec pada awalnya untuk menghasilkan jurutera dan tenaga mahir reka bentuk mikrocip setiap tahun bagi memenuhi keperluan pembangunan industri elektronik dan elektrik negara.

Tetapi dengan pengumuman kerajaan untuk menjadikan Cedec sebagai sebuah pusat kecemerlangan di bawah Koridor Utara, ia merupakan satu pengiktirafan ke pusat tersebut untuk sama-sama membantu menjayakan misi nasional yang meliputi empat negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

"Sejak tahun 90-an lagi saranan telah diberikan kepada pihak industri mahupun agensi kerajaan dalam bidang mikroelektronik supaya mempercepatkan penjanaan sumber manusia dalam aktiviti tambah nilai sektor elektronik, yang dilihat terlalu penting untuk Malaysia.

"Ini kerana aktiviti reka bentuk dan fabrikasi mikrocip jika digabungkan mam-

pu meraih pulangan lebih 80 peratus sedangkan aktiviti pemasangan dan mempa-kej hanya memberi pulangan 10 peratus sahaja," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika melancarkan Koridor Utara peringkat Pulau Pinang di Butterworth, Selasa lalu mengumumkan penubuhan pusat itu di USM yang merupakan perkongsian antara sektor swasta dan sektor awam.

Abdullah turut menekankan bahawa usaha peningkatan sektor pembuatan akan dilaksanakan melalui peningkatan keupayaan pekerja tempatan dalam sektor elektrikal dan elektronik dengan mengukuhkan kebolehan inovasi serta penyelidikan dan pembangunan.

Mengulas lanjut, Othman berkata, keupayaan Cedec kini mampu menyediakan perkongsian prasarana reka bentuk mikrocip kepada tujuh universiti utama di Malaysia iaitu USM, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Multimedia Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Mara.

Beliau berkata, pihaknya optimis untuk bersama menjadikan Cedec sebagai pusat kecemerlangan berdasarkan kepada keyakinan kerajaan yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai hab logistik.

Tambahnya, Cedec akan menyediakan kemudahan dan peralatan termaju untuk penyelidik, akademik, pensyarah dan pelajar universiti secara praktikal bagi memastikan keluaran universiti tempatan mene-

Headline	Cedec Koridor's ability level North (Cedec tingkat keupayaan Koridor Utara)
Date	06. Aug 2007
Media Title	Utusan Malaysia

pati kehendak industri sekali gus membantu NCER untuk berkembang secara kompetitif.

Cedec juga ingin membawa politeknik dan kolej komuniti di wilayah NCER seiring dalam bidang reka bentuk, di samping menghasilkan lebih ramai usahawan teknologi dalam bidang ini oleh kerana mempunyai fasiliti bagi membina produk berdasarkan papan litar.

Sebagai permulaan, Cedec telah memulakan pembabitan di kawasan Taman Teknologi Kulim (KHTP) dengan memeterai kerjasama dengan MIMOS Bhd., khusus untuk penyelidikan dalam bidang Micro-Electro Mechanical System (MEMS).

Othman menambah, Koridor Utara yang akan diwujudkan nanti dilihat akan memperoleh faedah dari Cedec kerana keupayaan pusat itu sendiri untuk membantu membangunkan teknologi berkaitan dengan keupayaan setiap negeri itu nanti.

Sebagai contoh katanya, Cedec mempunyai 85 lesen kemudahan dan perisian canggih seperti Cadence, Synopsys dan Mentorgraphic yang diguna pakai oleh industri di seluruh dunia.

Othman berkata, hasil ciptaan dan reka bentuk peserta juga boleh dikeluarkan bagi tujuan penyelidikan dengan kerjasama syarikat-syarikat yang menjalankan pactan dengan Cedec.

Katanya, syarikat tersebut ialah Intel, AMD, AVAGO, Renassas, Altera dan Silterra yang menjadi anggota Panel Penasihat Industri Bagi Cedec untuk memberi nasihat kepada Cedec mengenai keperluan industri.